

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
(BATU KAWAN)**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kes rogol, sumbang mahram, pencabulan, liwat, gangguan seksual dan keganasan rumah tangga dari 2015 hingga kini mengikut pecahan tahun yang NFA, pelaku dituduh di mahkamah, pertuduhan ditarik balik, DNAA, pelaku disabitkan kesalahan selepas perbicaraan penuh, pelaku mengaku salah dan dihukum dan senaraikan semua bantuan dan sokongan Kerajaan bagi mangsa keganasan rumah tangga dan jenayah-jenayah di atas serta cara mangsa mendapatkan bantuan tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh 2015 hingga September 2020, sebanyak 8,932 kertas siasatan (IP) telah dibuka yang melibatkan kes rogol. Dari jumlah tersebut 1,641 IP masih dalam siasatan, 3,422 IP pula telah dikategorikan sebagai *No Further Action* (NFA), 2,863 IP telah dituduh, 916 IP telah disabitkan kesalahan dan baki 90 IP telah dikategorikan sebagai *Discharge Not Amounting To An Acquittal* (DNAA).

Bagi kes jenayah sumbang mahram pula untuk tempoh yang sama, sebanyak 1,523 kertas siasatan (IP) telah dibuka di mana 759 IP masih dalam siasatan, 247 IP telah dikategorikan sebagai NFA, 318 IP telah dituduh, 192 IP telah disabitkan kesalahan dan baki 7 IP telah dikategorikan sebagai DNAA.

Untuk kes jenayah cabul pula untuk tempoh yang sama, sebanyak 6,941 kertas siasatan (IP) telah dibuka di mana 640 IP masih dalam siasatan, 2,864 IP telah dikategorikan sebagai NFA, 2,467 IP telah dituduh, 903 IP telah disabitkan kesalahan dan baki 67 IP telah dikategorikan sebagai DNAA.

Bagi kes jenayah seks luar tabie pula untuk tempoh yang sama, sebanyak 1,731 kertas siasatan (IP) telah dibuka di mana 192 IP masih dalam siasatan, 626 IP telah dikategorikan sebagai NFA, 726 IP telah dituduh, 177 IP telah disabitkan kesalahan dan baki 10 IP telah dikategorikan sebagai DNAA.

Bagi kesalahan yang melibatkan kes jenayah gangguan seksual pula untuk tempoh yang sama, sebanyak 1,744 kertas siasatan (IP) telah dibuka di mana 370 IP masih dalam siasatan, 634 IP telah dikategorikan sebagai NFA, 513 IP telah dituduh, 214 IP telah disabitkan kesalahan dan baki 13 IP telah dikategorikan sebagai DNAA. Untuk kesalahan jenayah yang terakhir iaitu keganasan rumah tangga pula untuk tempoh yang sama, sebanyak 30,950 kertas siasatan (IP) telah dibuka di mana 4,559 IP masih dalam

## SOALAN NO : 189

siasatan, 7,979 IP telah dikategorikan sebagai NFA, 7,860 IP telah dituduh, 9,903 IP telah disabitkan kesalahan dan baki 649 IP telah dikategorikan sebagai DNAA.

Berhubung soalan berkaitan bantuan ke atas mangsa pula, berdasarkan maklumat yang dikongsikan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dimaklumkan terdapat program kesedaran psikososial melalui Klinik Undang-Undang yang dilaksanakan di negeri-negeri sama ada secara fizikal mahupun dalam talian bagi membantu masyarakat mengetahui hak-hak mereka dari sudut undang-undang.

Selain daripada itu, JPW turut menjalankan program yang memberi pendedahan kepada wanita mengenai jenis jenayah yang melibatkan mangsa wanita melalui program Wanita Anti Jenayah (WAJA) serta Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita peringkat antarabangsa yang disambut setiap tahun pada 25 November. Peserta program turut dimaklumkan mengenai kaedah bagi mendapat bantuan sama ada melalui Talian Kasih 15999, aplikasi Whatsapp Talian Kasih 019 2615999, One Stop Crisis Center (OSCC) Kementerian Kesihatan atau 999 untuk talian pihak PDRM.

Pada tahun 2020, JPW juga telah menambahbaik dua (2) buah rumah perlindungan di bawah Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007, sebagai tempat perlindungan wanita yang menyediakan kemudahan sesi kaunseling motivasi kepada mangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan Kerajaan pusat yang telah diagihkan untuk semua sekolah di Parlimen Batu Kawan mengikut DUN Perai, Bukit Tengah dan Bukit Tambun mengikut perincian jenis sekolah termasuk sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah Mubaligh, vokasional dan sekolah agama bagi tahun 2013, 2014, 2015, 2016, 2017, 2018, 2019 dan sehingga kini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada sekolah-sekolah di Parlimen Batu Kawan mengikut DUN bagi tahun 2013 hingga tahun 2019 adalah seperti berikut:

**DUN Perai:**

**Peruntukan Pengurusan dan Pembangunan**

Jenis Sekolah	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
SK	10,808,102.42	10,346,382.34	12,320,578.66	12,786,204.97	13,421,186.60	13,939,420.93	14,788,476.55
SMK	17,951,760.79	18,966,901.09	20,188,835.32	21,189,750.90	22,244,244.50	23,620,116.10	23,180,950.19
SJKC	8,835,266.70	9,104,851.75	9,414,882.93	10,192,344.13	11,038,906.93	10,820,655.43	10,800,655.43
SJKT	2,301,330.80	2,217,389.95	1,970,933.18	1,777,915.54	2,337,796.06	2,731,094.86	3,023,844.21
Sek. Mubaligh	-	-	-	-	-	-	-
KV	-	-	-	-	-	-	-
SABK	-	-	-	-	-	-	-

**DUN Bukit Tengah:****Peruntukan Pengurusan dan Pembangunan**

Jenis Sekolah	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
SK	10,888,620.92	10,329,401.34	12,405,917.20	12,822,154.35	13,446,060.00	13,944,892.71	14,802,081.85
SMK	17,940,123.99	18,950,291.09	20,187,118.40	21,453,069.23	22,282,230.90	23,563,116.10	23,121,907.54
SJKC	10,287,346.70	9,102,463.75	9,383,822.93	10,205,135.78	11,038,906.06	2,731,094.86	10,820,655.43
SJKT	2,301,330.80	2,217,389.95	1,970,933.18	1,777,915.54	2,337,796.06	2,731,094.86	3,023,844.21
Sek. Mubaligh	-	-	-	-	-	-	-
KV	-	-	-	-	-	-	-
SABK	-	-	-	-	-	-	-

**DUN Bukit Tambun:**

Jenis Sekolah	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
SK	8,084,542.31	8,786,371.47	9,017,212.25	9,426,590.92	9,843,694.64	10,024,336.57	10,288,836.38
SMK	21,083,506.61	25,053,300.37	25,128,459.21	27,665,607.43	28,617,016.36	30,495,007.49	31,232,475.37
SJKC	3,862,504.36	3,562,542.65	4,318,619.51	4,889,872.73	6,021,594.26	6,428,621.94	7,031,976.76
SJKT	1,522,552.66	1,425,000.21	1,430,390.64	1,613,969.49	1,852,279.10	1,973,820.52	1,805,115.75
Sek. Mubaligh	-	-	-	-	-	-	-
KV	-	-	-	-	-	-	-
SABK	-	-	-	-	-	-	-

Sekian.

RT16